

BAB TIGA

METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.1 Pendahuluan

Bab ini akan menjelaskan mengenai metodologi yang digunakan untuk kajian ini. Kaedah yang digunakan untuk mentadbir kajian ini ialah kaedah kuantitatif mudah dan pendekatan soal selidik. Seramai 150 orang responden yang terdiri daripada pelajar lelaki dan perempuan dari sebuah sekolah di Gombak dipilih sebagai sampel. Alat ukur yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik yang terbahagi kepada lima bahagian. Lima bahagian dalam soal selidik ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat diri pelajar, kebolehan pelajar untuk mengenalpasti nilai-nilai kewarganegaraan, kesedaran pelajar tentang kehadiran nilai-nilai kewarganegaraan dalam lima mata pelajaran teras yang diajar di sekolah, persepsi pelajar tentang keperluan mata pelajaran yang berasingan untuk mengenali dan memahami nilai-nilai kewarganegaraan dan persepsi pelajar tentang kesesuaian versi pendidikan kewarganegaraan untuk diajar di sekolah. Perbincangan dalam bab ini bertumpu kepada reka bentuk kajian, sampel kajian, instrumen kajian, pentadbiran soal selidik, pengumpulan data dan analisis data.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Bagi mendapatkan maklumat untuk menjelaskan tujuan dan persoalan kajian, kaedah kuantitatif mudah dan pendekatan survey digunakan. Kaedah kuantitatif dipilih kerana kesesuaiannya untuk mendapat pandangan dan pendapat sebilangan besar individu mengenai sesuatu topik atau isu berdasarkan soal selidik yang disediakan (Frankel & Wallen, 1996; Gay, 1996). Selain itu, kaedah ini memudahkan pengumpulan data serta penganalisan data statistik serta membuat perbandingan. Dapatan kajian dapat digeneralisasikan secara ringkas dan padat. Kaedah kuantitatif adalah satu kaedah penyelidikan yang sistematik, piawai dan mudah dalam jangkamasa yang singkat.

Pendekatan soal selidik digunakan kerana dapat mengurangkan sikap 'bias' dan prosedur kajian mudah dilaksanakan. Maklumat daripada soal selidik tepat dan cepat serta identiti responden boleh dirahsiakan. Kajian ini mengutamakan persepsi pelajar, oleh itu, kaedah ini sesuai untuk mendapatkan pandangan pelajar tentang kepentingan pendidikan kewarganegaraan melalui soal selidik.

3.3 Sampel Kajian

Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah menengah di daerah Gombak, Selangor. Seramai 150 orang pelajar lelaki dan perempuan telah dipilih sebagai responden dalam

kajian ini. Semua responden adalah terdiri daripada etnik Melayu dan berumur 16 tahun. Responden terdiri daripada jurusan berbeza iaitu jurusan Sains dan Sastera.

Rasional pemilihan sampel ini adalah kerana pelajar Tingkatan Empat telah didedahkan kepada nilai-nilai kewarganegaraan melalui pelbagai mata pelajaran yang diajar di sekolah. Nilai-nilai kewarganegaraan terdapat dalam pelbagai mata pelajaran di sekolah kerana sifatnya adalah bercorak merentas kurikulum. Pelajar Tingkatan Empat dipilih kerana mereka sudah mencapai umur 16 tahun dan berfikiran lebih matang dibandingkan dengan pelajar menengah rendah. Oleh yang demikian, mereka lebih sesuai dijadikan sampel dalam memberi persepsi mengenai pendidikan kewarganegaraan dalam kurikulum sekolah.

3.4 Instrumen

Bagi tujuan melihat persepsi pelajar tentang pendidikan kewarganegaraan, kajian ini telah menggunakan instrumen survey yang dibahagikan kepada lima bahagian:

3.4.1 Bahagian A : Kebolehan pelajar untuk mengenalpasti nilai-nilai kewarganegaraan.

Soal selidik Bahagian A digunakan untuk menguji kebolehan pelajar untuk mengenal nilai-nilai kewarganegaraan. Sebanyak 15 nilai-nilai

kewarganegaraan telah dikemukakan kepada pelajar dalam soal selidik. Nilai-nilai ini adalah terdiri daripada limabelas nilai sub kategori daripada lima kategori nilai utama dalam senarai nilai-nilai kewarganegaraan yang disediakan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kajian ini hanya melibatkan lima belas nilai-nilai kewarganegaraan yang dipilih secara random daripada jumlah sebenar nilai-nilai sub kategori iaitu sebanyak dua puluh sembilan. Secara puratanya, tiga nilai sub kategori dipilih daripada setiap kategori nilai utama. Pemilihan nilai-nilai kewarganegaraan dijelaskan secara ringkasnya dalam Rajah 3.1.

Responden dikehendaki menjawab kesemua 15 item yang diberi berdasarkan skala likert 1 – 4 (rujuk soal selidik Bahagian A). Pilihan yang diberi ialah 1 – Tidak Setuju, 2 – Kurang Setuju, 3 – Setuju dan 4 – Sangat Setuju. Responden diminta memberi persetujuan masing-masing tentang 15 nilai-nilai kewarganegaraan yang dinyatakan sebagai Item 1 – 15 dalam Bahagian A soal selidik. Responden dianggap mempunyai kebolehan yang baik untuk mengenalpasti nilai-nilai kewarganegaraan sekiranya menanda Setuju dan Sangat Setuju.

Rajah 3: Analisis Kod Penerapan Nilai-Nilai Kewarganegaraan

Kategori Utama	Sub Kategori
A. Berbangga sebagai rakyat Malaysia	I Berakhlak dan berbudi pekerti mulia II Menghormati lambang-lambang negara III Menghargai dan mengamalkan tradisi budaya dan bangsa
B. Bersemangat setianegara	I Cintakan bangsa dan negara II Peka kepada masalah dan isu tentang bangsa dan negara III Bertanggung jawab kepada bangsa dan negara
C. Bersemangat kekitaan	I Hormat dan menghormati II Bersefahaman dan bermuafakat III Muhibbah
D. Berdisiplin	I Mematuhi peraturan dan undang-undang II Bertindak dengan wajar III Berlaku adil dan bertimbangrasa
E. Berusaha dan produktif	I Berdikari II Tabah menghadapi cabaran III Sentiasa mempertingkatkan usaha

3.4.2 Bahagian B : Kesedaran pelajar tentang kehadiran nilai-nilai

kewarganegaraan dalam lima mata pelajaran teras yang diajar di sekolah.

Bahagian B dalam soal selidik bertujuan untuk melihat sama ada pelajar menyedari kehadiran nilai-nilai kewarganegaraan dalam pelbagai mata pelajaran di sekolah. Kajian ini hanya memilih lima mata pelajaran teras kerana ia

merupakan mata pelajaran yang wajib diambil oleh setiap pelajar. Mata pelajaran yang dikaji dalam kajian ini ialah Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah, Matematik dan Pendidikan Islam. Responden perlu menandakan sama ada terdapat atau tidak nilai-nilai kewarganegaraan dalam lima mata pelajaran tersebut. Selain itu, responden juga diminta menyenaraikan tiga mata pelajaran mengikut pendapat mereka, yang mempunyai nilai-nilai kewarganegaraan mengikut keutamaan.

3.4.3 Bahagian C : Persepsi pelajar tentang keperluan mata pelajaran yang berasingan untuk mengenali dan memahami nilai-nilai kewarganegaraan

Bahagian C dalam soal selidik mengandungi dua bahagian iaitu C (A) dan C (B). Pelajar dikehendaki memberi pendapat masing-masing sama ada perlu atau tidak ada mata pelajaran yang berasingan untuk mengenali dan memahami nilai-nilai kewarganegaraan. Responden diarah untuk memilih satu jawapan sahaja iaitu sama ada C (A) atau C (B).

Kajian ini telah menyertakan empat alasan untuk menyokong kedua-dua respon pelajar iaitu sama ada perlu atau tidak. Bahagian C (A) ialah jawapan 'perlu' dan disertakan dengan Item 1 – 4 sebagai alasan untuk menyokong respon pelajar yang menyatakan perlu ada mata pelajaran yang berasingan untuk mengenali dan memahami nilai-nilai kewarganegaraan. Bahagian C (B) ialah jawapan 'tidak perlu' dan disertakan dengan Item 1 – 4 sebagai alasan untuk

menyokong respon pelajar yang menyatakan tidak perlu ada mata pelajaran yang berasingan untuk mengenali dan memahami nilai-nilai kewarganegaraan. Tujuan alasan-alasan ini disediakan ialah untuk menjelaskan pendapat responden di samping menyenangkan analisis data yang dikumpul dengan adanya respon yang tersedia sebagai alasan dalam soal selidik.

Responden dikehendaki menjawab kesemua 4 item yang diberi berdasarkan skala likert 1 – 4 (rujuk soal selidik Bahagian B). Pilihan yang diberi ialah 1 – Tidak Setuju, 2 – Kurang Setuju, 3 – Setuju dan 4 – Sangat Setuju. Responden diminta memberi persetujuan masing-masing tentang 4 alasan yang diberikan dalam soal selidik untuk setiap bahagian C (A) dan C (B) yang dinyatakan sebagai Item 1 – 4. Responden dianggap mempunyai sebab yang kukuh untuk memilih sesuatu alasan sekiranya menanda Setuju dan Sangat Setuju.

3.4.4 Bahagian D : Persepsi pelajar tentang kesesuaian versi pendidikan kewarganegaraan untuk diajar di sekolah.

Bahagian D dalam soal selidik bertujuan mendapatkan persepsi pelajar tentang kesesuaian versi pendidikan kewarganegaraan untuk diajar di sekolah. Bagi mengetahui persepsi pelajar, sebanyak sebelas item yang terdiri daripada sebelas topik pendidikan kewarganegaraan dikemukakan kepada responden. Item

1 – 8 adalah topik pendidikan kewarganegaraan minimal. Sementara itu, Item 9 – 11 adalah topik pendidikan kewarganegaraan maksimal.

Responden dikehendaki menjawab kesemua 11 item yang diberi berdasarkan skala likert 1 – 4 (rujuk soal selidik Bahagian D). Pilihan yang diberi ialah 1 – Tidak Setuju, 2 – Kurang Setuju, 3 – Setuju dan 4 – Sangat Setuju. Responden dianggap mempunyai kecenderungan terhadap kesesuaian sesuatu topik pendidikan kewarganegaraan sekiranya menanda Setuju dan Sangat Setuju.

3.5 Mentadbir Soal Selidik

3.5.1 Kajian Rintis

Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini telah melalui satu kajian rintis yang melibatkan 34 orang pelajar Tingkatan Empat dari sebuah sekolah. Tujuan kajian rintis ini dijalankan ialah untuk memastikan soal selidik yang digunakan mempunyai ketekalan dan kebolehpercayaan dalaman yang tinggi. Oleh itu, ujian Alpha Cronbach telah dijalankan dan keputusannya adalah seperti dalam Jadual 3. Secara keseluruhannya, didapati soal selidik mempunyai ketekalan dan kebolehpercayaan dalaman yang baik.

Kajian rintis dijalankan supaya tidak ada aspek-aspek penting yang tertinggal serta memastikan kesesuaian item-item soal selidik dari segi bahasa,

kejelasan dan kefahaman responden terhadap item-item yang dikemukakan dalam soal selidik. Hasil kajian rintis yang dikemukakan didapati bahawa item-item dalam soal selidik dapat difahami oleh responden. Jumlah waktu yang diperlukan oleh responden untuk menjawab didapati adalah lebih kurang 15 – 20 minit. Selain itu, pandangan tiga orang guru didapatkan untuk memastikan soal selidik mudah difahami dan tidak membebankan pelajar untuk menjawabnya serta dapat menjawab soalan kajian.

Jadual 3.1 : Keputusan Ujian Kebolehpercayaan (Cronbach Alpha) Instrumen Kajian

Pembolehubah	Jumlah Item	Cronbach Alpha
Kebolehan pelajar untuk mengenalpasti nilai-nilai kewarganegaraan	15	0.9025
Persepsi pelajar yang menyatakan perlu mata pelajaran yang berasingan untuk pendidikan kewarganegaraan	4	0.9261
Persepsi pelajar yang menyatakan tidak perlu mata pelajaran yang berasingan untuk pendidikan kewarganegaraan	4	0.9534
Persepsi pelajar tentang kesesuaian versi pendidikan kewarganegaraan untuk diajar di sekolah	11	0.7916
Nilai Keseluruhan	34	0.8000

3.5.2 Pengumpulan Data

Soal selidik telah dikemukakan kepada pelajar Tingkatan Empat daripada jurusan Sains dan Sastera, setelah mendapat kebenaran Pengetua. Responden menjawab soal selidik dalam kelas masing-masing di bawah pengawasan guru. Responden diberi masa 20 minit untuk memberi maklumbalas terhadap item-item dalam soal selidik yang diedarkan. Oleh kerana soal selidik dijalankan secara bersemuka, kesemua soal selidik tersebut dipulangkan.

3.6 Analisis Data

Data yang telah diperolehi melalui soal selidik telah dianalisa menggunakan Statistical Packages for the Social Sciences (SPSS) untuk mencari taburan kekerapan dan peratusan bagi menjawab soalan-soalan kajian bagi empat aspek iaitu:

- i) kebolehan pelajar untuk mengenalpasti nilai-nilai kewarganegaraan
- ii) kesedaran pelajar tentang kehadiran nilai-nilai kewarganegaraan dalam lima mata pelajaran teras yang diajar di sekolah
- iii) persepsi pelajar tentang keperluan mata pelajaran yang berasingan untuk mengenali serta memahami nilai-nilai kewarganegaraan

- iv) persepsi pelajar tentang versi pendidikan kewarganegaraan yang sesuai diajar di sekolah.

Analisa dapatan kajian dibincangkan dengan lebih lanjut dalam Bab Empat.